

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : RABU, 1 APRIL 2015

RUJUKAN : L11 [PR-1331-L66450]

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah kos projek kompleks pembakaran mayat (krematorium) di Presint 20, Putrajaya yang dibina pada tahun 2004 mengikut kos bangunan, kos insinerator dan kos penyelenggaraan setiap tahun sejak 2004. Berapa kaliakah kemudahan krematorium tersebut pernah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, kos keseluruhan projek Kompleks Pembakaran Mayat (krematorium) di Presint 20, Putrajaya adalah sebanyak RM13.996 juta.

Dari jumlah tersebut, kos bangunan sahaja adalah sebanyak RM1.952 juta yang meliputi pembinaan 1 blok dewan pembakaran, 3 blok dewan upacara terakhir keagamaan, 1 blok dewan serbaguna dan 1 blok bangunan pentadbiran. Kompleks ini dilengkapi dengan 2 unit insinerator dengan kos sebanyak RM840,000.00.

Manakala kos selebihnya sebanyak RM11.204 juta adalah untuk kerja-kerja “preliminaries” kontrak, kerja tanah, M&E, infrastruktur, perabot dan kelengkapan pejabat, lanskap serta pembangunan luaran kompleks.

Kompleks ini mula beroperasi pada tahun 2010 dengan kos penyelenggaraan seperti berikut:

TAHUN	KOS PENYELENGGARAAN
2010*	RM184,800.00
2011	RM214,100.00
2012	RM201,600.00
2013	RM207,260.00
2014	RM306,720.00
2015 (sehingga Februari 2015)	RM24,300.00

* Penyelenggaraan bagi tahun 2010 bermula pada bulan Februari 2010

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 264 pembakaran mayat telah dilaksanakan. Dari jumlah itu, 130 pembakaran dilaksanakan mengikut UUK Krematorium (Perbadanan Putrajaya) 1999. Bagi pembakaran pertama pada 2 Februari 2010 hingga 31 Julai 2010, kadar yang dikenakan ialah RM100.00 bagi setiap pembakaran. Manakala 134 pembakaran lagi bermula pada 1 Ogos 2010 hingga sekarang dilaksanakan mengikut UUK Krematorium (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 1999, pada kadar RM600.00 bagi setiap pembakaran. Jumlah kutipan keseluruhan adalah sebanyak RM93,400.00.

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut jua, permohonan perkhidmatan pembakaran ditawarkan secara terbuka. Walau bagaimana pun, atas masalah kekangan kawasan tanah perkuburan dan kemudahan penyimpanan abu mayat yang terhad, maka perkhidmatan perkuburan dan penyimpanan abu mayat dihadkan kepada penduduk Putrajaya sahaja.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGABELAS
PEMBENTANGAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM
[Julau]**

TARIKH : 1.4.2015

SOALAN : 15

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan status terkini pembekalan ameniti asas seperti air bersih, elektrik dan jalan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bermula tahun 2010 sehingga **31 Disember 2014**, pencapaian **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pembangunan Luar Bandar** melalui **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** adalah seperti berikut:

- i. Sepanjang **4,554.03 km jalan** telah dibina di bawah **Program Jalan Luar Bandar (JALB)**. Ini termasuk 1,871.14 km jalan dibina di Semenanjung, 1,448.46 km jalan dibina di Sabah dan 1,234.43 km jalan dibina di Sarawak;
- ii. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** telah membekalkan air bersih atau terawat kepada **334,817 buah rumah**. Ini melibatkan 144,511 buah rumah di Semenanjung, 107,318 buah rumah di Sabah dan 82,988 buah rumah di Sarawak;
- iii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** telah menyediakan bekalan elektrik kepada **129,595 buah rumah**. Jumlah ini melibatkan 13,894 buah rumah di Semenanjung, 49,972 buah rumah di Sabah dan 65,729 buah rumah di Sarawak; dan

iv. Sebanyak **73,392 buah rumah** telah dibina atau dibaik pulih di bawah **Program Bantuan Rumah (PBR)**. Jumlah ini termasuk 31,857 buah rumah di Semenanjung, 16,764 buah rumah di Sabah dan 24,771 buah rumah di Sarawak.

Selain itu, terdapat **satu (1) program tambahan yang diperkenalkan** di bawah pelaksanaan **Government Transformation Programme (GTP 2.0)** pada tahun 2013 menerusi NKRA Pembangunan Luar Bandar iaitu **Program Penyelenggaraan Jalan**. Sehingga 31 Disember 2014, sepanjang **2,056.05 km** jalan telah diselenggarakan di bawah program ini. Jumlah ini melibatkan 1,210.63 km jalan di Semenanjung, 422.18 km jalan di Sabah manakala di Sarawak pula adalah sepanjang 423.24 km.

Kerajaan akan terus berusaha memastikan pelaksanaan projek-projek NKRA dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai sasaran yang ditetapkan.